



PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 06/2023

**PENGGUNAAN FRASA "MALAYSIA MADANI" DALAM URUSAN PENYEDIAAN SURAT RASMI  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK)**

1. Selaras dengan kelulusan Kerajaan berhubung Agenda Malaysia MADANI sebagai hala tuju baharu Kerajaan Perpaduan yang diperkenalkan bagi membina sebuah negara bangsa Malaysia Madani yang tertegak berteraskan prinsip Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan dan Ihsan, serta turut disokong oleh visi "Membina Malaysia yang Madani, Maju dan Sejahtera menjelang 2030".
2. Sehubungan itu, bagi menyebarluaskan agenda dan hala tuju baharu Kerajaan ini, satu frasa baharu iaitu "**MALAYSIA MADANI**" ditambah sebelum frasa "**BERKHIDMAT UNTUK NEGARA**" dalam semua surat rasmi Kerajaan berdasarkan Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia (JPA) no. ruj. JPA.100-1/4/1(11) bertarikh 15 Februari 2023. (Sila rujuk **Lampiran**)
3. Berikut adalah susunan frasa terkini yang perlu digunakan dalam penyediaan surat rasmi Universiti:  
  

**"ALLAH DITAATI, RAJA DISANJUNGI, RAKYAT DIKASIHI"** (*Bagi surat yang dihantar ke agensi/ jabatan dalam Negeri Kelantan sahaja*)  
**"MALAYSIA MADANI"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**
4. Pekeliling ini berkuat kuasa serta merta mulai tarikh ia dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**"ALLAH DITAATI, RAJA DISANJUNGI, RAKYAT DIKASIHI"**  
**"MALAYSIA MADANI"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
(**KHAIRUL ERUWAN BIN ABDUL HALIM, P.J.K**)  
Pendaftar

23 FEBRUARI 2023


- s.k. - Naib Canselor  
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor  
- Semua Ketua Pusat Tanggungjawab



**TIMBALAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM (PEMBANGUNAN)  
DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE (DEVELOPMENT)**

Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia  
Public Service Department, Malaysia  
Aras 13, Blok C1, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 W.P. Putrajaya  
Malaysia

Tel: 603-88853002  
Faks (Fax): 603-88892639  
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my



No. Ruj : JPA.100-1/4/1 (11)

Tarikh : 15 Februari 2023

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan  
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri  
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**PENGUNAAN FRASA "MALAYSIA MADANI" DALAM URUSAN  
PENYEDIAAN SURAT KERAJAAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, Kerajaan telah meluluskan Agenda Malaysia MADANI sebagai hala tuju baharu Kerajaan Perpaduan. Agenda ini diperkenalkan bagi membina sebuah negara bangsa Malaysia Madani yang tertegak berteraskan prinsip Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan dan Ihsan. Agenda ini turut disokong oleh visi "Membina Malaysia yang Madani, Maju dan Sejahtera menjelang 2030".

3. Bagi menyebarkan agenda dan hala tuju baharu Kerajaan ini, satu frasa baharu iaitu "**MALAYSIA MADANI**" ditambah sebelum frasa "**BERKHIDMAT UNTUK NEGARA**" dalam semua surat rasmi Kerajaan.
  
4. Arahan ini berkuat kuasa serta merta.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' DR. ZULKAPLI BIN MOHAMED)**

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan)

s.k,

Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan